

LRT Putra Heights dipilih sebagai lokasi promosi persidangan WUF9

SUBANG JAYA - Laluan LRT Putra Heights ke Gombak yang menjadi mod pengangkutan peserta-peserta forum dijadikan lokasi bagi mempromosikan acara persidangan Forum Bandar Sedunia/World Urban Forum) ke-9 (WUF9) yang akan berlangsung pada 7 hingga 13 Februari 2018.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar berkata, pemilihan itu dibuat ekoran laluan itu mempunyai anggaran penumpang seramai 10 juta sebulan.

"Orang ramai dan peserta disaran agar menggunakan sekerap mungkin pelbagai mod pengangkutan awam yang sedia ada termasuk basikal dan berjalan kaki ke tempat persidangan bagi menyahut kempen mampan dan mobiliti hijau," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan "WUF9 Train" dan kempen 'WUF9 Sustainable Urban Mobility



Foto : Sharifuddin Abd Rahim

Noh sempat beramah mesra dengan pengguna ketika melancarkan WUF9 Train di stesen LRT Putra Heights, semalam.

In Making Our Future Cities Green and Connected' di stesen LRT Putra Heights, di sini, semalam.

KPKT melalui Urbanice Malaysia selaku Local Secretariat merupakan penganjur persidangan forum WUF.

Pada masa sama, menurutnya, WUF9 Train membawa mesej 'Bandar 2030, Bandar Inklusif: Pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu' merupakan tema persidangan forum bandar sedunia kali

ini.

"Mesej itu memberi galakan kepada perbandaran yang lebih mampan melalui idea penyelesaian yang inovatif, sistematik, praktikal dan mampan selaras dengan permasalahan oleh penduduk setempat.

"Elemen bandar mampan yang penting adalah tertumpu kepada sistem pengangkutan yang holistik, bersepadu dan kurang mengeluarkan karbon," katanya.